




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 401 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 45,409 kes. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini, iaitu di daerah Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 380 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 40,929 orang. Sejumlah 2,935 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 837 orang di hospital, 2,079 orang di PKRC dan 19 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 80 orang dan 16 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah dicatatkan.

- 4 Pada hari ini, **dua (2) kluster** baharu dilaporkan:
  - i. **Kluster Ladang Sebrang, Lahad Datu** dengan sembilan (9) kes baharu dilaporkan hari ini menjadikan jumlah kes kumulatif sebanyak 21 kes. Kes indeks dikesan melalui saringan bergejala pada 9 Januari 2021 di Klinik Kesihatan Silabukan, Lahad Datu. Saringan kontak rapat dan tempat kerja mendapati 20 kes positif COVID-19 berjaya dikesan di kilang memproses sawit itu.
  - ii. **Kluster Silimpopon, Kalabakan** juga melibatkan industri perladangan dengan lima (5) kes dikesan, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 29 kes. Kes indeks merupakan pekerja buruh di sebuah syarikat perladangan di Silompopon dan telah disahkan positif COVID-19 melalui saringan bergejala pada 6 Januari 2021 di klinik swasta. Saringan kontak rapat dan tempat kerja pula mendapati 28 lagi kes positif. Saringan kontak rapat masih giat dijalankan.
- 5 Daripada 401 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 232 kes (57.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 83 kes (20.7%), saringan kluster baharu dan sedia ada 25 kes (6.2%), saringan PERKESO 13 kes (3.2%), saringan pelajar masuk asrama sembilan (9) kes (2.3%) dan 39 kes (9.7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,100 unit. Manakala, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam pula berjumlah 4,584 unit. Jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,784 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 43.26%.

## B. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI SABAH

- 1 Sehingga 20 Januari 2021, secara kumulatif sebanyak 45,008 kes positif telah direkodkan di Sabah dengan 6,027 kes direkodkan dalam masa 14 hari dari 7 hingga 20 Januari 2021.
- 2 Sehingga kini, sebanyak 23 daerah berada dalam zon merah, tiga (3) zon kuning dan satu (1) zon jingga
- 3 Selain itu, terdapat peningkatan kes serta kluster baharu di negeri ini termasuk hasil saringan daripada kontak rapat.

- 4 Atas penilaian risiko dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sidang khas bersetuju untuk melanjutkan lagi PKP di Sabah sehingga 4 Februari 2021 iaitu diseragamkan dengan tarikh tamat PKP di negeri-negeri yang lain kecuali Sarawak.

## **C BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **320,333** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 47,382 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 189 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 48 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 45 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan enam (6) pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di (16) premis, di Sembilan (9) buah daerah iaitu Tawau, Keningau, Tambunan, Semporna, Kota Kinabalu, Kunak, Sandakan, Kudat dan Beluran.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 99 lokasi di 16 daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu.

## **E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.55%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Ranau	94%
3	Kota Belud	94%
4	Kunak	94%
5	Tenom	94%
6	Beluran	94%
7	Kota Marudu	93%
8	Tuaran	93%
9	Kinabatangan	93%
10	Beaufort	93%
11	Keningau	92%
12	Kudat	92%
13	Papar	92%
14	Sandakan	91%
15	Semporna	91%
16	Kota Kinabalu	91%
17	Penampang	91%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

**Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, duduklah di rumah jika tiada urusan penting dan bersama-sama kita membendung penularan jangkitan wabak COVID-19.**

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
21 Januari 2021